

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN SENIBINA DALAMAN**

APRIL 2009

Adalah disyorkan bahawa Laporan Projek Penyelidikan ini yang disediakan


Oleh

NOR HAFIZOH BT. RAMLI

bertajuk

**Laporan Kajian Akhir Cadangan Merekabentuk Dalaman Kafe Teh
Di The New Club, 34087 Taiping, Perak Untuk Boh Plantation Sdn. Bhd.**

Diterima sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia Laporan :  Puan Siti Norsazlina Bt. Haron
Koordinator Kursus : _____ Puan Azizah Bt. Md Ajis
Koordinator Program : _____ Prof. Madya Dr. Mohd Sabriza B. Abdul Rashid

ABSTRAK

Projek akhir untuk pelajar tahun akhir Diploma Rekabentuk Dalaman merupakan satu medium untuk menguji kefahaman pelajar mengenai segala proses pembelajaran yang berlaku sepanjang pengajian. Projek yang dipilih bagi projek akhir ini ialah merekabentuk dalaman Kafe Teh yang terletak di The New Club, Taiping, Perak untuk BOH Plantation Sdn. Bhd. Projek ini merupakan satu medium bagi menunjukkan keupayaan produk Malaysia bersaing dengan produk antarabangsa. Ini disebabkan peningkatan dalam permintaan produk keluaran negara luar seperti minuman dari kopi yang menjadi pilihan utama masyarakat di Malaysia pada masa kini. Jadi dengan adanya Kafe Teh ini, rakyat negara kita akan didedahkan dengan produk Malaysia sendiri selain mempelajari mengenai teh yang mempunyai banyak kebaikan kepada kesihatan dan tubuh badan. Menu yang disediakan juga merupakan menu yang berasaskan teh. Selain itu terdapat menu barat yang diberikan sentuhan tempatan agar bersesuaian dengan selera masyarakat di Malaysia. Oleh kerana teh sering di hubungkait dengan alam, maka rekabentuk bagi projek ini berkonsepkan alam semulajadi. Ini bersesuaian dengan tapak projek yang dipilih. Tapak projek yang dipilih terletak di kawasan yang dikelilingi tumbuhan hijau, lantas dapat mencerminkan suasana yang sesuai dengan penanaman teh. Imej yang dipilih iaitu moden dan alam semulajadi akan digabungkan bagi menghasilkan suatu rekabentuk yang dapat menepati ciri-ciri yang mencerminkan tempat asal teh. Kafe ini juga direka untuk semua golongan umur. Jadi penekanan yang harus dilakukan dalam rekabentuk kafe ini adalah dari segi warna dan rekabentuk ruang agar semua golongan umur dapat menikmati masa bersama di kafe ini. Bagaimanapun, sebelum berlakunya proses rekabentuk, terdapat banyak proses lain yang dilakukan. Antaranya ialah, temuramah dengan klien bagi memastikan kehendak klien dapat diketahui dengan jelas. Proses ini adalah proses yang penting kerana klien akan menentukan pasaran dan keperluan yang terlibat dalam projek ini. Selain itu, kajian kes turut dilakukan untuk meningkatkan kefahaman mengenai projek ini. Melalui kajian kes ini, perbandingan dapat dilakukan dan maklumat yang dikumpul akan dikaji semula. Jadi maklumat ini akan banyak membantu dalam proses rekabentuk. Selain itu terdapat medium lain bagi menambah maklumat dan kefahaman mengenai projek ini, antaranya melalui internet, rujukan melalui buku dan majalah, temuramah yang dijalankan terhadap orang yang terlibat dan juga pemerhatian.

MUKA SURAT

Abstrak	i
Penghargaan	ii
Isi Kandungan	
Senarai Jadual	
Senarai Rajah	
Senarai Foto	

KANDUNGAN**BAB 1.0 PENDAHULUAN**

1.1	PENGENALAN	2
1.2	METODOLOGI KAJIAN	3
1.3	MATLAMAT KAJIAN	5
1.4	OBJEKTIF KAJIAN	5
1.5	ISU	6
1.6	SKOP KAJIAN	6
1.7	HALANGAN KAJIAN	7
1.8	KEPENTINGAN KAJIAN	7

BAB 2.0 KLIEN

2.1	LATAR BELAKANG KLIEN	9
2.2	LOGO SYARIKAT	10
2.3	PRODUK	10
2.4	CARTA ORGANISASI	11

BAB 3.0	KAJIAN DAN ANALISA	
3.1	ANALISA TAPAK	13
	3.1.1 Potensi Tapak	17
	3.1.2 Orientasi Matahari dan Angin	21
	3.1.3 Arah Laluan Trafik	23
	3.1.4 Sistem Sirkulasi	25
3.2	ANALISA BANGUNAN	26
	3.2.1 Struktur Bangunan	28
	3.2.2 Kemasan dalam Bangunan	34
3.3	RINGKASAN PENEMUAN	39
3.4	RUMUSAN	40
BAB 4.0	KAJIAN KES	
4.1	PUSAT TEH BOH, SUNGEI PALAS	43
	4.1.1 Kajian Ruang Sedia Ada	44
	4.1.2 Kajian Aliran Pergerakan di dalam Kafe	51
	4.1.3 Kajian Rekabentuk Dalaman	53
4.2	NOODLE STATION, ALOR STAR	54
	4.2.1 Kajian Ruang Sedia Ada	55
	4.2.2 Kajian Aliran Pergerakan di dalam Kafe	64
	4.2.3 Kajian Rekabentuk Dalaman	66
4.3	PAPPA KOPITIAM, KLANG	67
4.4	KESIMPULAN	74
BAB 5.0	PROJEK	
5.1	KEHENDAK KLIEN	76
5.2	KEPERLUAN RUANG	77
5.3	SKOP KERJA	81
5.4	OBJEKTIF PROJEK	82

BAB 1.0 PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Kafe merupakan sebuah tempat perniagaan yang menyediakan servis makanan kepada pelanggan. Perbezaan antara restoran dan kafe ialah makanan yang disediakan di kafe lebih ringan berbanding restoran yang menyediakan pilihan makanan yang lebih banyak. Pilihan makanan yang di sediakan di kafe berlainan mengikut keutamaan kafe tersebut. Kini kafe sering menjadi pilihan pelanggan kerana konsepnya yang lebih santai dan kemudahan yang di sediakan seperti system internet tanpa wayar.

Sesebuah kafe perlu mempunyai satu daya tarikan dan kelainan untuk menarik minat pelanggan untuk berkunjung. Di samping itu, rekabentuk fizikal kafe tersebut turut memainkan peranan penting. Jika dibandingkan kafe yang ada sekarang, kebanyakannya menggunakan servis yang sama. Rekabentuk sesebuah kafe juga perlu memenuhi keselesaan dan keperluan pelanggan yang berkunjung.

Pemilihan projek iaitu cadangan merekabentuk Kafe Teh ialah kerana ingin memberi kelainan dari segi rekabentuk dalaman dan servis yang diberi. Pada masa kini, teh merupakan minuman yang dinikmati oleh semua masyarakat di seluruh dunia walaupun cara penyediaannya berbeza. Ramai sudah mengetahui mengenai kebaikan teh terhadap tubuh badan. Tetapi di Malaysia, minuman ini tidak dikomersialkan dengan baik. Jika dibandingkan dengan produk minuman lain seperti kopi, teh masih belum dikomersial dengan baik, walaupun Malaysia merupakan negara pengeluar teh. Jadi dengan pembukaan Kafe Teh ini, minda masyarakat akan lebih terbuka mengenai kebaikan teh.